

Dompok Ketuai Delegasi Malaysia Ke Majlis Pelantikan Paus Francis

Bernama

23 Mac, 2013

PENAMPANG, 23 Mac (Bernama) -- Bagi penganut Katholik, bertemu Paus sekali seumur hidup merupakan impian jadi kenyataan.

Tan Sri Bernard Dompok pernah berada di Vatican empat kali, dan berpeluang menghadap tiga ketua Katholik.

"Setiap kali, pengalamannya berbeza tetapi membawa kesan serupa. Ia memberi ketenangan, sesuatu yang kita dapat rasakan jauh dalam jiwa kita, untuk beberapa hari," kata beliau.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi itu bercakap kepada pemberita selepas tiba di sini hari ini dari Vatican di mana beliau mengetuai delegasi Malaysia pada majlis pelantikan Paus Francis selaku ketua ke-266 Gereja Katholik.

Dompok, yang juga Presiden UPKO, berkata dengan lawatan terbarunya itu bererti beliau telah menemui tiga paus, iaitu Paus John Paul II, Paus Benedict XVII dan Paus Francis, sepanjang sedekad lalu.

"Saya pernah menyertai delegasi diketuai perdana menteri ketika itu Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menemui Paus John Paul pada 2002. Itulah masanya kami membincangkan perkara mengadakan hubungan diplomatik," katanya.

Pada 2005, Dompok mengetuai delegasi Malaysia untuk majlis pengkebumian Paus John Paul.

Beliau turut menyertai rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menjalin hubungan diplomatik dengan menemui Paus Benedict tiga tahun lepas.

"Saya bangga diminta mewakili negara. Lawatan itu adalah berbeza dalam erti Malaysia kini menyertai barisan negara-negara lain yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Vatican," katanya.

Malaysia adalah antara 132 negara yang menghantar wakil mereka untuk acara bersejarah itu di Medan St Peter pada Selasa, dihadiri oleh kira-kira 200,000 orang dari serata dunia.

Hubungan yang terjalin meletakkan perwakilan Malaysia antara yang paling hampir dengan Paus semasa majlis pelantikan itu, bersama wakil-wakil dari Argentina, Amerika Syarikat dan Filipina, kata beliau.

Rombongan Dompok termasuk duta-duta besar Malaysia ke Vatican Dato Ho May Yong, dan Itali, Datin Paduka Halimah Abdullah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=936888>